

Headline	Jabatan Hutan Sarawak perhebat pemantauan Jack		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	14	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	449 cm <sup>2</sup>
Journalist	Sudan Ajang	AdValue	RM 2,912
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,736



# Jabatan Hutan Sarawak perhebat pemantauan: Jack

Ia berikutan rampasan sebanyak 6,273 batang balak haram dianggarkan bernilai RM276,835 sehingga 11 Mei lalu

Oleh Sudan Ajang

**MIRI:** Jabatan Hutan Sarawak (JHS) memperhebat pemantauan berikutan rampasan sebanyak 6,273 batang balak haram dianggarkan bernilai RM276,835 sehingga 11 Mei lalu.

Pemangku Timbalan Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan dan Perlindungan JHS Jack Liam berkata turut dirampas ialah kayu batak (2,193 batang), kayu bergergaji (1,581 batang) dan kayu bakau (508 batang).

"JHS juga menyiapkan kertas siasatan membabitkan 36 kes di bawah Ordinan Hutan di samping menahan 51 suspek dan selesai diambil keterangan," katanya pada sidang media selepas peras-

mian Bengkel Pembangunan Hala Tuju Nasional Mengenai Perhutanan Sosial di Sarawak di sini, semalam.

Jack berkata, turut dirampas sebuah kapal berkren, lapan lori serta empat traktor dan jentolak.

Bengkel tersebut dianjurkan JHS dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Southeast Asian Regional Centre of Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA) dan dirasmikan oleh Pengarah JHS Sapuan Ahmad.

Seramai 60 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta syarikat *nemhalakan hadir nada*

ini peribadinya akan pada bengkel tiga hari itu.

Bengkel tersebut bertujuan merangka definisi serta Pelan

Tindakan Perhutanan Sosial di Sarawak sekali gus meningkatkan aktiviti perhutanan sosial negara.

Sapuan dalam ucapannya berkata, *aktiviti perhutanan sosial bertujuan menghidu dan memulihkan kawasan-kawasan hutan yang terjejas*

akibat aktiviti pertanian pindah terutama di kawasan hutan kekal supaya menjadi lebih produktif.

"Kerajaan memandang *serius peranan disumbang-*kan oleh perhutanan sosial meningkatkan taraf hidup masyarakat terutama di luar

bandar.

"Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia menyarankan supaya definisi dan hala tuju nasional perhutanan sosial diseragamkan.

"FRIM dilantik sebagai penyelaras manakala SEARCA dan Asian Social Forestry Network (ASFN) pula membiayai program pembangunan yang dicadangkan," katanya.

Antara topik dibincangkan ialah Pembabitan Komuniti dalam Pemuliharaan, Ekope-lancongan: Adakah Ia Pilihan Terbaik, Perhutanan Agro: Konsep dan Pendekatan dan Hala Tuju Pendidikan dalam Perhutanan Sosial di Sarawak.

“JHS juga menyiapkan kertas siasatan membabitkan 36 kes di bawah Ordinan Hutan di samping menahan 51 suspek dan selesai diambil keterangan.”

Jack Liam

Pemangku Timbalan Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan dan Perlindungan JHS

Headline	Jabatan Hutan Sarawak perhebat pemantauan Jack		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	18 May 2016	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	14	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	449 cm <sup>2</sup>
Journalist	Sudan Ajang	AdValue	RM 2,912
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,736



**TERIMALAH:** Jack (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Sapuan sambil disaksikan Fellow FRIM Dr Lim Fah Hui selaku moderator bengkel.